

0539
UMNO - PAS

81 (P)
KUALA LUMPUR, 10 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR
MOHAMAD BERKATA HARI INI PAS BOLEH MEMOHON KEMBALI MENJADI
AHLI KOMPONEN BARISAN NASIONAL JIKA IA SANGGUP MENERIMA
PRINSIP-PRINSIP PERJUANGAN BARISAN NASIONAL.

PERDANA MENTERI, YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL DAN
PRESIDEN UMNO, BERKATA PINTU BARISAN NASIONAL ADALAH TERBUKA
KEPADA MANA-MANA PARTI YANG MAHU MENERIMA PERJUANGAN BARISAN
NASIONAL.

KATANYA, PAS TIDAK PERLU MENDAPAT PENGESAHAN DARI UMNO UNTUK
MEMASUKI SEMULA BARISAN NASIONAL TETAPI HENDAKLAH DISAHKAN
OLEH MAJLIS BARISAN NASIONAL.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT
MAJLIS TERTINGGI UMNO DI IBUPEJABAT UMNO DI SINI, DATUK
SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BAGAIMANAPUN, PERKARA TERSEBUT
TIDAK DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT ITU.

BELIAU BERKATA BARISAN NASIONAL TIDAK PERLU MENGAMBIL
LANGKAH BERBINCANG DENGAN PAS DAN SETAKAT INI TIADA HUBUNGAN
RASMI DIDUAT ANTARA KEDUA-DUA PIHAK KE ARAH TERSEBUT. -- BERNAMA
1605/MK